

Terbitan Kristian †

Dunia Roh & Peperangan Rohani

BUKU 9

Buku-buku dalam siri ini:

Buku 1: Siapakah Tuhan?

Buku 2: Alkitab

Buku 3: Identiti & Penyelamatan

Buku 4: Penyembahan & Kehidupan Peribadi Pengikut Yesus

Buku 5: Apakah Itu Gereja?

Buku 6: Pelayanan Pengikut Yesus

Buku 7: Perkahwinan, Keluarga & Anak-Anak

Buku 8: Kehidupan Komuniti, Kerajaan dan Undang-Undang

Buku 9: Dunia Roh & Peperangan Rohani

Buku 10: Akhirat & Kerajaan Allah

Semua rujukan ayat Alkitab dipetik daripada
Alkitab Versi Borneo kecuali dinyatakan.
Hak cipta © 2015 Borneo Sabda Limited

Siri Pemuridan 9—Dunia Roh & Peperangan Rohani

Hak cipta terpelihara © 2021

Dicetak di Malaysia.

Buku ini diterbitkan khas untuk orang Kristian.

KANDUNGAN

PENGENALAN 5

Bab 1

MALAIKAT 7

Bab 2

IBLIS DAN ROH JAHAT 13

Bab 3

MEMENANGI PERTEMPURAN 19

Bab 4

**PELAYANAN PENYEMBUHAN DAN
PENGUSIRAN ROH JAHAT 25**

LATIHAN MENGHAFAK FIRMAN TUHAN

Efesus 6:10-18 31

*Janganlah biarkan kami tergoda,
Selamatkanlah kami daripada yang jahat.*

Matius 6:13

PENGENALAN

Dalam buku ini, kita akan mengkaji sifat-sifat alam roh dan peperangan rohani seperti berikut:

- Apakah dan siapakah malaikat, roh jahat dan Iblis?
- Cara untuk memenangi peperangan rohani.
- Pelayanan penyembuhan dan pengusiran roh-roh jahat, serta apa peranan mereka.

Alkitab menyatakan bahawa hanya ada satu Tuhan (ULANGAN 6:4; YESAYA 43:10-11; 45:5). Apabila kita mengaku Yesus sebagai Tuhan dan menjadikan Dia sebagai yang berkuasa ke atas hidup kita, Allah memindahkan kita ke dalam kerajaan Anak yang dikasihi-Nya (1KOLOSE 1:13) dan akan melepaskan kita dari kuasa kegelapan, supaya Iblis tidak mendapat keuntungan, kerana kita mengetahui tujuan-tujuannya (2 KORINTUS 2:11) dan kita akan menjadi pemenang yang tetap teguh dalam Kristus.

BAB 1

MALAIKAT

Malaikat diciptakan oleh Tuhan (KEJADIAN 2:1; KOLOSE 1:16) dan wujud sebelum kejadian dunia ini (AYUB 38:1-7). Para malaikat bijak serta bersikap wajar (2 SAMUEL 14:17), beremosi (AYUB 38:7; LUKAS 15:10), dan mempunyai keinginan (YESAYA 14:12-14; 2 TIMOTIUS 2:26; YUDAS 1:6). Para malaikat adalah di bawah takluk Yesus (1 PETRUS 3:22)

Nota: Sungguhpun Tuhan mencipta ramai malaikat, Alkitab hanya menyerlahkan nama dua malaikat, iaitu Mikhael (DANIEL 10:21; 12:1; 1 TESALONIKA 4:16; YUDAS 1:9; WAHYU 12:7-10), nama yang bererti “siapakah yang seperti Allah?” dan Gabriel (DANIEL 8:16; 9:21; LUKAS 1:18-19; 26-38), yang bererti “wira Allah”.

- Ungkapan “prinsipaliti” [iaitu sebuah kerajaan kecil yang diperintah oleh seorang penguasa berupa Anak raja] dan “kuasa” digunakan bagi semua malaikat sama ada mereka yang telah jatuh mahupun yang suci (EFESUS 1:21; 3:10).
- Allah menciptakan mereka untuk memuji-muji dan menyembah-Nya (MAZMUR 148:1-2; IBRANI 1:6) dan bersukacita

dalam segala yang dilakukan Tuhan (AYUB 38:6-7).

- Mereka ialah alat bagi melaksanakan segala penghakimannya (WAHYU 7:1; 8:2).

Baca Keluaran 23:20-24, Mazmur 34:7 dan Ibrani 1:14, kemudian renungkan kesan ayat ini dalam kehidupan anda.

Antara Peranan Malaikat dalam Kehidupan Umat Allah

- Membawa keperluan kita (KEJADIAN 21:17-20; 1 RAJA-RAJA 19:5-7)
- Melindungi kita (DANIEL 6:22)
- Memimpin kita (KISAH PARA RASUL 8:26)
- Menguatkan kita (LUK 22:43).
- Menyampaikan “pesanan” Tuhan (KISAH PARA RASUL 7:52-53)
- Menghukum musuh Allah (2 RAJA-RAJA 19:35; MAT 13:49-50).

Serafim dan Kerubim

Serafim (atau seraf) cuma disebutkan dalam Yesaya 6:2-7. Dalam penglihatan Yesaya, serafim adalah malaikat yang mempunyai tiga pasang sayap, yang terbang di sekeliling takhta Tuhan. Mereka terus-menerus menyembah dan berseru, menyatakan kemuliaan dan kedaulatan Tuhan.

Kerubim (atau kerub) pertama kali disebutkan di dalam Kejadian 3:24. Sebelum pemberontakannya, Iblis ialah kerubin (YEHEZKIEL 28:12-15). Tabernakel dan bait serta segala alat

kelengkapannya mempunyai lambang kerubim (KELUARAN 25:17-22; 26:1, 31; 36:8).

Yehezkiel 1:1-18 dan 10:1-21 menceritakan “empat susuk makhluk hidup” sebagai makhluk yang sama dengan kerubim. Makhluk yang sama disebut di dalam Wahyu 4:6-9. Siang malam mereka tidak berhenti-henti menyanyi, membesarkan kemuliaan Allah (MAZMUR 99:1).

Sumber:

<http://www.gotquestions.org/kerubim.html#ixzz3U24sMEmJ> DAN

<http://www.gotquestions.org/serafim.html#ixzz3U25Xc03V>

Malaikat terlibat dalam rancangan Tuhan bagi penyelamatan umat manusia. Contohnya:

Daniel 10:14~

I Petrus 1:12~

Lukas 15:10~

Ibrani 12:22~

Manusia diciptakan bertaraf rendah sedikit sahaja daripada para malaikat. Namun, akan tiba masanya kelak apabila kita akan dikurniakan kuasa yang lebih besar untuk mengadili malaikat (1 KORINTUS 6:2-3; IBRANI 2:6-8).

Siapakah Malaikat TUHAN?

Ada beberapa rujukan kepada “malaikat TUHAN”, “satu malaikat TUHAN”, dan “si malaikat TUHAN”. Apabila kata sandang pasti “si” digunakan, itu adalah untuk menyatakan satu makhluk khusus, yang berlainan dan berasingan daripada para malaikat lain. Si malaikat TUHAN berwahyu sebagai Allah, mengidentifikasikan diri-Nya dengan Allah, dan melaksanakan tanggungjawab Allah (Kejadian 16:7-12; 21:17-18; 22:11-18; Keluaran 3:2; Hakim-Hakim 2:1-4; 5:23; 6:11-24; 13:3-22; 2 Samuel 24:16; Zakharia 1:12; 3:1; 12:8).

Dalam beberapa penjelmaan itu, sesiapa yang melihat si malaikat TUHAN itu amat takut sebab mereka “telah melihat TUHAN”. Memang jelas ada kalanya, si malaikat TUHAN itu ialah inkarnasi Allah dalam bentuk jasmani.

Sumber: <http://www.gotquestions.org/angel-of-the-Lord.html#ixzz3U0DPHD7E>

Adakah Kita ada Malaikat Pelindung?

Ada satu ayat dalam Alkitab yang menyokong pendapat bahawa setiap kita mempunyai malaikat pelindung peribadi, iaitu Matius 18:10, “Hati-hatilah, jangan hinakan seorang daripada murid-Ku yang kecil ini. Ketahuilah, malaikat-malaikat mereka sentiasa berada di hadirat Bapa-Ku di syurga”.

Dalam ayat ini, para malaikat digambarkan sebagai sentiasa memandang wajah Tuhan. Itu bermaksud mereka siap sedia mentaati perintah Allah untuk mengawasi dan menolong umat Allah. Maka penjagaan kita datang daripada Tuhan, bukan daripada malaikat. Daniel 10:21; 12:1 mencatatkan bahawa Mikail, penghulu malaikat ditugaskan menjaga negara Israel, tetapi tidak tercatat di mana-mana dalam Alkitab bahawa ada malaikat yang ditugaskan khas kepada seseorang individu.

Namun, Tuhan memang menggunakan malaikat dalam hal melayani keperluan kita. Kita ada atau tiada malaikat pelindung peribadi, itu tidak menjadi persoalan kerana Allah telah memberikan jaminan bahawa Yesus Kristus sekali-kali tidak akan membiarkan kita atau meninggalkan kita (IBRANI 13:5-6). Dalam segala hal, “Allah bekerja untuk kebaikan orang yang mengasihi-Nya” (ROMA 8:28-30).

BAB 2

IBLIS DAN ROH JAHAT

Iblis pada asalnya ialah malaikat yang diciptakan untuk menyembah dan memuliakan Tuhan. Namun, keangkuhannya telah mendorong dia memberontak kerana dia menginginkan kedudukan yang lebih tinggi daripada Allah.

Yesaya 14:12-15~

Yehezkiel 28:12-17~

Wahyu 12:7-9~

Iblis dikenali sebagai ‘anak fajar’ dan naga. Apabila dia diusir daripada hadirat Tuhan seperti kilat, dia telah dijatuhkan dari langit (ke bumi) dan dipanggil sebagai penguasa (atau pemerintah) dunia (YOHANES 12:31; 14:30; 2 KORINTUS 4:4; EFESUS 2:2).

Perkataan ‘syaitan’ (atau Iblis) pertama kali muncul dalam kitab Ayub 1. Di sana, perkataan *syaitan* diterjemah sebagai ‘lawan’.

Ayat-ayat berikut menyatakan perwatakan Iblis. Berdasarkan ayat-ayat tersebut, renungkan bagaimanakah kesan kuasa dan pengaruhnya dalam kehidupan anda.

Rujukan Alkitab	Punca Serangan	Jenis Serangan
Ayub 1:6-12		
Matius 6:13		
Lukas 8:12		
Yohanes 10:10		
Kisah Para Rasul 13:10		

Para Roh Jahat

Iblis memimpin segerombolan roh jahat, iaitu para malaikat yang telah terjerumus dalam dosa kerana mengingkari Tuhan. Iblis telah menarik sepertiga daripada para malaikat suci Allah untuk mengikutnya (IBRANI 12:22; 2 PETRUS 2:4; WAHYU 12:3-9).

Para malaikat yang terjerumus terbahagi kepada dua:

- 1) Para malaikat yang bebas ke sana ke mari (LUKAS 8:30; 1 TIMOTIUS 4:1). Mereka digelar “para penghulu dunia daripada kegelapan zaman ini ... tentera roh iblis di udara” (EFESUS 6:12 DAN KOLOSE 2:15). Mereka berperang dengan para malaikat suci dalam cubaan menggagalkan rencana Tuhan dan menghalang umat Tuhan (DANIEL 10:13).

Apolion atau Abaddon adalah salah satu malaikat yang terjerumus (WAHYU 9:11), yang mengetuai tentera roh jahat akhir zaman.

- 2) Para malaikat yang terbelenggu dan sedang menantikan penghakiman Tuhan (YUDAS 1:6). Mereka semua akan berkongsi penghakiman akhir Allah terhadap Iblis (MATIUS 25:41; WAHYU 20:10). akhir zaman.

Ciri-Ciri Roh Jahat

Rujukan Alkitab	Perwatakan Roh Jahat
1 Raja-Raja 22:23	
Matius 10:1	
2 Korintus 11:14-15	
1 Petrus 5:8	
Wahyu 12:9	

Adakah Terdapat Hierarki bagi Roh Jahat?

Dalam Alkitab, hanya Iblis yang dipanggil “ketua roh iblis” (MATIUS 9:34) dan “raja segala kuasa di udara” (EFESUS 2:2). Memang terdapat hierarki roh jahat tetapi tidak kita ketahui betapa luas hierarki itu.

Ayat dalam Efesus 6:12 menyatakan “para pemerintah dan penguasa ...” hanyalah satu rujukan secara am. Ia tidak merujuk secara khusus kepada kedudukan (pangkat) dalam dunia roh. Kesimpulan yang lain daripada ini adalah sekadar spekulasi semata-mata.

Cara Iblis menentang Allah:

- Peperangan menentang Allah (AYUB 1:6-11; LUKAS 4:1-13).
- Peperangan menentang malaikat Allah (DANIEL 10:12-13, 20-21; YUDAS 1:9).
- Peperangan menentang para umat Allah.

Baca dan renungkan respons anda terhadap serangan ini:

Rujukan Alkitab	Respons Saya
Matius 13:19	
Zakaria 3:1	
Yohanes 13:2	
2 Korintus 4:4	

Iblis juga melakukan serangan rohani terhadap kita melalui manusia (KISAH PARA RASUL 20:30).

Ciri-ciri Peperangan antara Iblis dan Manusia

Kita perlu mengkaji strategi Iblis supaya kita dapat berwaspada dan bersedia menghadapi tipu musihatnya dalam kehidupan kita. Berdasarkan Kejadian 3:1-6, Iblis boleh menyerang kita dengan:

- menggunakan apa sahaja dalam ciptaan demi memudaratkan kita (KEJADIAN 3:1).
- mempersoalkan perintah Tuhan sehingga kita ragu-ragu (KEJADIAN 3:1).

- berbohong (KEJADIAN 3:4).
- menawarkan ilmu terlindung yang ditegah oleh Tuhan (KEJADIAN 3:5; ULANGAN 18:10-12).
- menawarkan kuasa seperti kuasa yang dimiliki Allah (KEJADIAN 3:5).
- mengguna orang lain untuk menggoda kita (KEJADIAN 3:6).
- melontar tuduhan palsu terhadap kita (WAHYU 12:10).

Markus 4:39 tidak secara khusus menunjukkan Iblis menggunakan alam semula jadi serangannya. Tetapi kata “Diam!” dalam bahasa Yunani ialah kata yang sama yang ditemui apabila Yesus menggunakannya untuk menutup mulut roh jahat (LUKAS 4:35). Menurut ramai para sarjana Alkitab, ini tanda kukuh yang menunjukkan bahawa Yesus mengenal pasti bahawa sumber ribut itu memang roh jahat.

Secara am, tiga cara manusia terdedah kepada serangan rohani seperti jadual perbandingan antara 1 Yohanes 2:16 dan Kejadian 3:6 di bawah.

3 Penyerangan Iblis (1 YOHANES 2:16)	Bagaimana Hawa menjadi terbuka kepada serangan (KEJADIAN 3:6)
Keinginan kuat si manusia yang berdosa	Buah pokok itu baik untuk dimakan
Nafsu mata	Buah pokok itu nampak amat menyenangkan mata
Sikap bangga diri /keangkuhan tentang apa yang dimiliki dan apa yang dia lakukan	Pokok itu diinginkan untuk memperoleh kebijaksanaan

Punca utama umat manusia diperhambakan oleh dosa bukan sahaja kerana Iblis menggoda mereka; hal itu turut melibatkan nafsu daging mereka sendiri yang mengingini sesuatu yang dilarang oleh Tuhan.

Efesus 2:2-3 memberitahu kita bahawa terdapat tiga perkara yang mengekalkan seseorang dalam keadaan kematian secara rohani:

(1) _____ (2) _____ (3) _____

Berikut adalah cara Iblis menindas manusia, membuat mereka menderita, menjadi hamba dosa dan mati rohani:

- Perhambaan rohani (2 KORINTUS 4:3-4)
- Perhambaan emosi (1 RAJA-RAJA 11:1-6):
- Perhambaan oleh keluarga (MATIUS 19:29):
- Perhambaan oleh keadaan ekonomi (MATIUS 19:16-24; 1 TIMOTIUS 6:10)

Berdasarkan ayat-ayat di atas, adakah anda terdedah kepada serangan rohani? Mengapa? Pada pendapat anda, melalui pelajaran ini, apakah yang Tuhan ingin beritahu anda?

BAB 3

MEMENANGI PERTEMPURAN

Kedudukan dan Kuasa Rohani Kita dalam Kristus

Kejayaan Yesus mengatasi ujian dan godaan iblis di padang gurun adalah permulaan kemenangan atas dosa dan iblis (Lukas 4: 1-13). Yesus telah “menumpaskan segala roh yang berkuasa dan memerintah serta mendedahkan mereka di hadapan orang ramai dan menunjukkan bahawa dia telah menakluki mereka dalam salib” (KOLOSE 2:15).

Roma 8:14-17 memberitahu kita bahawa kita yang dipimpin oleh Rok Kudus adalah anak Allah sebab Dia telah “melepaskan kita dari segala kuasa kegelapan dan memindahkan kita ke dalam kerajaan Anak yang dikasihi-Nya” (KOLOSE 1:13).

Kita ialah saluran Roh-Nya, bahawa hadirat Kristus diam dalam diri kita (Efesus 6: 11-17).

Apabila kita taat kepada Allah, kita mampu “lawan Iblis, maka Iblis akan lari daripada kamu” (YAKOBUS 4:7). Sila catatkan perhatian anda menurut rujukan yang berikut:

Efesus 2:1-10~

Roma 8:14-17~

I Korintus 6:19~

Roh Allah yang tinggal dalam diri kita jauh lebih hebat daripada kuasa lain di dunia. Kuasa-Nya adalah satu-satunya kuasa yang dijamin akan mengalahkan si Iblis.

Perlindungan Rohani Kita dalam Kristus

Apabila kita yakin akan *kedudukan* dan kuasa kerohanian kita dalam Kristus, kita mampu untuk berdiri dengan gagah dalam *perlindungan* rohani kita di dalam Dia. Allah hidup *dalam* diri kita, berjalan *bersama-sama* kita dan berada *di pihak kita*.

- Apabila kita digoda, Tuhan akan menyediakan jalan untuk kita melepaskan diri (1 KORINTUS 10:13).
- Apabila kita diuji, Allah akan menyediakan jalan untuk kita mampu menjawab musuh kita (MARKUS 13:11; YOHANES 16:13-14).
- Apabila kita dianiaya atau ditindas, kehadiran Allah akan membantu kita mampu bertahan (MARKUS 13:11).

Tanggungjawab Rohani Kita dalam Kristus

Sebagai seorang pengikut Yesus, firman Allah memberitahu kita bahawa kita hendaklah menjangka bahawa kita akan menghadapi tentangan rohani (YOHANES 15:18-21; 2 TIMOTIUS 3:12-13).



Walaupun kita mempunyai perlindungan dalam Kristus, kita harus bertanggungjawab untuk melengkapkan diri dengan memakai senjata Allah (EFESUS 6:10-18).

- Peperangan rohani bukan tentang teknik atau kuasa. Tunjangnya adalah keintiman hubungan kita dengan Tuhan.
- Hanya apabila kita tinggal dalam Kristus dan terus berada dalam hadirat-Nya barulah kita merasakan dan dipenuhi kuasa-Nya (EFESUS 6:11).
- Kita mesti sentiasa peka, berwaspada dan realistik dalam hal siapakah si Iblis dan apakah yang dilakukannya.
- Kita harus belajar menentang rencana dan kelicikan Iblis.
- Bagaimana kita patut melawan si Iblis:

Yakobus 4:7-8~

I Petrus 5:8-9

Efesus 6:13 memberitahu kita bersedia menghadapi serangan yang boleh berlaku pada bila-bila masa dengan memakai baju zirah Allah.

Rujukan Alkitab	Baju Zirah Allah	Aspek Kerohanian
Efesus 6:14a	Tali pinggang	Kebenaran
Efesus 6:14b		
Efesus 6:15		
Efesus 6:16		
Efesus 6:17a		
Efesus 6:17b		

Renungkan aspek-aspek kehidupan peribadi anda yang anda mungkin telah diuji atau diserang. Bagimanakah baju zirah Allah ini membantu kehidupan rohani anda? Apakah yang anda perlu lakukan untuk memakai baju senjata Allah dalam hidup anda?

Berdoa diserlahkan sebagai titik penghujung dalam memakai baju zirah Allah (EFESUS 8:18-20). Doa membawa kita lebih dekat kepada Tuhan, memenuhi diri kita dengan kehadiran-Nya, menguatkan kita serta mengelilingi kita dengan kuasa-Nya. Berdoa amat penting dalam peperangan rohani hinggalah Yesus memberitahu kita berdoa setiap hari (MATIUS 6:13).

Disiplin Diri Sebagai Persediaan Menghadapi Peperangan Rohani

Di sini, kita menyentuh serangan Iblis pada bahagian tubuh fizikal dan keinginan (hati) kita. Maka perlulah kita memberi perhatian kepada unsur-unsur berikut:

- Menyalibkan (kehendak) daging dan berjalan dalam Roh (ROMA 8:1-14).
- Memperbarui minda (ROMA 12:1-2).
- Mematahkan atau mematikan sebarang fikiran atau hujah yang bertentangan dengan kebenaran Tuhan (2 KORINTUS 10:3-5).
- Memenuhi diri kita dengan Firman Allah (MAZMUR 119:11).
- Mencegah sebarang peluang bagi dosa dan cubaan (1 KORINTUS 7:5; 1 TIMOTIUS 5:11-14).

BAB 4:

PELAYANAN PENYEMBUHAN DAN PENGUSIRAN ROH JAHAT

Ajaran Yesus tentang penyembuhan dan pengusiran roh jahat:

- Bidang kuasa yang Dia berikan kepada para murid-Nya untuk mengusir roh jahat dan menyembuhkan setiap penyakit adalah sama dengan yang Dia berikan kepada kita untuk menyempurnakan Amanat Agung-Nya (MATIUS 10:1; 28:18-20).
- Bukan semua mereka yang boleh mengusir roh jahat adalah murid-Nya yang tulus (MATIUS 7:21-23).
- Tujuan penyembuhan dan pengusiran roh jahat adalah untuk mempamerkan kuasa Tuhan.
- Yesus mengusir roh-roh jahat dan menyembuhkan dengan mengucapkan perintah yang mudah dan jelas (MARKUS 1:25; LUKAS 8:30):

Para pengikut Yesus menyembuhkan orang sakit atau mengusir roh jahat bukan atas nama mereka sendiri tetapi *dalam nama Yesus Kristus*.

Mengesan Roh Jahat

Apabila roh jahat dikesan dalam kalangan pengikut Yesus, ia harus diusir. Alkitab mengajar hal ini:

- Roh-roh jahat diusir agar mereka yang belum percaya boleh menerima penyelamatan daripada Tuhan (MARKUS 5:1-20).
- Roh-roh jahat diusir apabila mereka mengancam atau menghalang karya Tuhan (KISAH PARA RASUL 16:16-18).
- Kenalpasti roh tersebut (1 YOHANES 4:2-3).

Alkitab juga menyatakan perkara berikut mengenai roh-roh jahat:

- Tuhan membenarkan roh-roh jahat untuk menghukum umat apabila mereka memberontak menentang-Nya (1 SAMUEL 15:1-26; 16:14-15, perhatikan terutamanya 15:23).
- Tuhan membenarkan roh-roh jahat untuk memperdayakan umat apabila mereka enggan mendengar kebenaran yang disampaikan-Nya (1 RAJA-RAJA 22:1-23).
- Tuhan membenarkan roh-roh jahat untuk mengganggu para umat-Nya untuk menguji kesetiaan mereka (AYUB 1:1-22).
- Allah membenarkan roh-roh jahat untuk menyebabkan para rasul-Nya menderita demi menghalang mereka daripada berbuat dosa (2 KORINTUS 12:7-9).
- Pihak Gereja boleh menyerahkan para pengikut kepada si Iblis sekiranya mereka telah menyebabkan keburukan dan kemudaratan yang besar (1 KORINTUS 5:1-5; 1 TIMOTIUS 1:19-20).

Kesimpulannya, apabila kehadiran roh jahat dapat dikesan dalam kehidupan seseorang, itu tidak bererti para murid Yesus harus secara automatik berusaha untuk mengusir roh jahat itu.

Menghadapi Roh Jahat

Apabila bertemu dengan orang yang sedang ditindas atau dikuasai oleh roh jahat, pertama-tama anda harus berdoa dan mencari kehendak dan rancangan Tuhan dalam situasi tersebut.

Kita telah dikurniakan kuasa dalam nama Yesus untuk mengusir roh jahat. Alkitab telah menyatakan kedudukan dan kuasa yang kita miliki dalam Kristus:

Matius 28:18-20~

Kisah Para Rasul 8:6-8~

Kisah Para Rasul 13:9-11~

Kisah Para Rasul 16:16-18~

Pelayanan mengusir roh jahat dan penyembuhan:

- Pelayanan ini adalah pelayanan yang penuh belas kasihan untuk membebaskan orang yang diserang dan diperhambakan oleh roh jahat.
- Pelayanan ini dilakukan tanpa rasa takut pada roh jahat.
- Pelayanan ini dilakukan secara sederhana dan tegas—roh jahat diusir keluar dalam nama Yesus, tanpa gembar-gembur atau upacara yang rumit.
- Semasa berkhotbah atau mendoakan penyembuhan itu sudah memadai untuk menyingkirkan roh jahat.

Boleh menanyakan nama roh jahat apabila mengusir atas alasan berikut:

- (1) Untuk menyeru secara khusus roh jahat tersebut.
- (2) Untuk mendapatkan kawalan lebih baik terhadap roh jahat yang harus diusir.
- (3) Yesus juga telah menanyakan nama roh jahat ketika membebaskan seorang lelaki kerasukan (MARKUS 5:9-13).

Masalah kaedah ini:

- (1) Hanya sekali sahaja Yesus bertanya nama roh jahat sepanjang pelayanan pengusiran-Nya. Namun, roh jahat itu tidak memberikan nama tetapi suatu angka: 'Legion' yang bererti '3000 atau 6000 orang askar'.
- (2) Nama Yesus telah mengatasi segala nama. Maka tiada sebab yang kukuh nama roh jahat diperlukan dalam pengusiran.
- (3) Menggunakan nama roh jahat adalah amalan jahiliah kerana Allah telah berfirman dalam Zakharia 13:2 bahawa nama mereka hendaklah dilupai.

Semua pengikut Kristus sepatutnya mengambil perhatian pada peringatan-peringatan berikut:

- Kita harus bergantung sepenuhnya kepada Tuhan dalam pelayanan penyembuhan dan pengusiran roh jahat (MATIUS 17:14-21).
- Pastikan hidup kita bebas daripada dosa, jika tidak, doa kita mungkin tidak didengar Allah (YAKOBUS 5:16):
- Jangan mencela Iblis secara langsung tetapi bersandar kepada kuasa Allah untuk bertindak atas Iblis (YUDAS 1:9).

Matlamat Peperangan Rohani

1. Untuk ditransformasikan menjadi mirip Kristus, menghayati kebebasan dan kuasa menjadi umat-Nya (LUKAS 4:18):

2. Untuk membebaskan umat daripada kekangan dosa, penindasan rohani dan pengabdian (KISAH PARA RASUL 26:17-18):

3. Untuk mengisytiharkan pemerintahan Tuhan yang penuh kemenangan (ROMA 16:20; EFESUS 3:10):

Iblis akan berusaha untuk menentang rencana penyelamatan umat manusia

Daniel 10:13~ _____

1 Tesalonika 2:18~ _____

2 Korintus 4:3-4~ _____

Namun, rancangan penyelamatan Tuhan bagi semua ciptaan dan umat manusia tidak boleh ditewaskan. Firman Allah menyatakan bahawa Yesus telah menang atas Iblis dan telah menumpaskan semua musuh dan kuasa kegelapan(1 KORINTUS 15:54-58):

Sekarang, kita sekadar menantikan tibanya kemenangan Allah yang mutlak yang akan datang juga akhirnya.

LATIHAN MENGHAFAKAL FIRMAN TUHAN

Efesus 6:10-18

Perisai Allah

Petikan daripada Alkitab ini ialah salah satu daripada teks asas yang menangani perkara berkaitan dengan peperangan rohani. Ia memerihalkan perisai Allah yang semua pengikut Yesus harus pakai supaya mereka dilindungi dari serangan musuh. Sambil anda membacanya, serta merenungkannya dan menghafalkan petikan ini, pertimbangkan sama ada anda sudah memakai sepenuhnya baju zirah Allah. Jika tidak, hendaklah berhenti serta memohon supaya Tuhan menolong anda pada saat ini juga untuk lebih lengkap dalam persediaan kehidupan anda sebagai seorang pengikut-Nya.

Akhir kata, saudara-saudaraku, hendaklah kamu kuat dalam Tuhan dan dalam kekuatan kuasa-Nya. Pakailah selengkap senjata Allah, supaya kamu dapat bertahan terhadap tipu daya iblis. Sebabnya kita berlawan bukan dengan darah dan daging, tetapi dengan para penghulu dunia daripada kegelapan zaman ini, para pemerintah dan penguasanya, dan tentera roh iblis di udara. Oleh itu, pakailah selengkap senjata Allah, supaya kamu dapat bertahan pada masa yang penuh kejahatan, dan berdiri tegap setelah kamu melakukan segalanya. Dengan demikian, berdirilah dengan tegap setelah mengikat pinggangmu dengan tali pinggang kebenaran, memakai perbenarani sebagai perisai dada, Imenyarungkan ke kakimu persediaan menyebarkan Injil perdamaian. Yang paling utama, memakai perisai iman, untuk memadamkan segala anak panah berapi si durjana, dan ketopong penyelamatan serta pedang Roh, iaitu firman Allah. Sambil itu, pohonlah sentiasa dengan segala doa dan rayuan dalam Roh, serta berjaga-jaga dengan segala ketekunan dan permohonan untuk semua orang yang salih.

Nota